



## PERBEZAAN KOMPETENSI GURU-GURU SAINS SOSIAL: MATA PELAJARAN SEJARAH ANTARA JANTINA DI SEKOLAH-SEKOLAH ZON UTARA

### *DIFFERENCE OF COMPETENCY SOCIAL SCIENCE TEACHERS: HISTORY SUBJECT BETWEEN GENDERS IN SCHOOLS OF THE NORTH ZONE*

Roshida Mustaffa<sup>1\*</sup>, Yasmin Ahmad<sup>2</sup>

- <sup>1</sup> Jabatan Komunikasi, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia  
Email: edamustaffa72@gmail.com
- <sup>2</sup> Jabatan Komunikasi, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia  
Email: yasminahmad@unimap.edu.my
- \* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 15.03.2023  
Revised date: 10.04.2023  
Accepted date: 20.06.2023  
Published date: 27.06.2023

##### To cite this document:

Mustaffa, R., & Ahmad, Y. (2023). Perbezaan Kompetensi Guru-Guru Sains Sosial: Mata Pelajaran Sejarah Antara Jantina Di Sekolah-Sekolah Zon Utara. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 467-477.

DOI: 10.35631/IJMOE.517036

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Golongan pendidik merupakan individu yang berperanan penting menghasilkan pelajar yang cemerlang dan berkualiti tinggi. Seorang guru haruslah mempunyai pengetahuan dan wawasan yang meluas sebagaimana berusaha untuk mempelbagaikan kebolehan serta meningkatkan ilmu pengetahuan. Kompetensi guru dari aspek kemahiran mengajar subjek sejarah yang tinggi akan mempermudah aktiviti pengajaran yang sistematik, langkah demi langkah iaitu daripada peringkat permulaan diikuti dengan perkembangan konsep melalui penggunaan ilmu pengetahuan serta kemahiran dan diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan. Seramai 98 orang para guru matapelajaran sejarah yang terdiri daripada guru lelaki (N = 59) dan guru wanita (N = 39) telah menjawab soal selidik dan ujian T tidak bersandar telah dijalankan bagi melihat perbezaan diantara jantina para guru didalam perbezaan kompetensi dengan menggunakan *SPSS Version 26*. Kompetensi guru dalam pengajaran dan pembelajaran diantara jantina guru telah menunjukkan nilai yang signifikan dengan nilai  $p < 0.05$  dan sebaliknya bagi nilai profesionalisme keguruan dan amalan keberkesanan pengajaran guru menunjukkan dapatan yang tidak signifikan ( $p > 0.05$ ). Para guru yang terlibat dalam kajian ini, merupakan guru yang mengajar subjek Sejarah. Usaha penerapan mempelbagaikan teknik pengajaran oleh guru-guru sejarah merupakan satu perubahan dalam mata pelajaran sejarah yang sebagaimana selaras dengan proses transformasi Pendidikan Negara melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard

Sekolah Menengah (KSSM) yang memerlukan masa dan komitmen guru bagi menguasai kandungan subjek, dan strategi pengajaran.

**Kata Kunci:**

Kompetensi, Guru Sains Sosial, Mata Pelajaran Sejarah

**Abstract:**

Educators, as individuals, hold a crucial position in fostering the development of outstanding and high-caliber students. A teacher's comprehensive grasp and perception, coupled with their determination towards diversifying abilities and enhancing knowledge, are indispensable attributes. The teacher's proficiency in teaching high-level history subjects facilitates systematic instructional activities, commencing from the initial stages and progressing towards the conceptual development through the utilization of knowledge and skills, ultimately culminating with reinforcement and reinforcement activities. Of the 98 history teachers surveyed, the sample included 59 male teachers and 39 female teachers, and an independent T-test was conducted using SPSS Version 26 to examine the gender-based competency differences between the teachers. The teacher's teaching and learning proficiency across genders exhibited a significant difference, with a value of  $p < 0.05$ , whereas the teacher's professionalism and teaching effectiveness showed non-significant findings ( $p > 0.05$ ). This study involved teachers who specialize in the subject of History. The effort to implement a wide range of teaching techniques by history teachers constitutes a shift in the subject of history that aligns with the National Education transformation process, as outlined by the Primary School Standard Curriculum (KSSR) and the Secondary School Standard Curriculum (KSSM). These standards necessitate the time and commitment of teachers to master the subject content and teaching strategies.

**Keywords:**

Competence, Social Science Teacher, History Subject

**Pengenalan**

Pendidikan merupakan proses pemerolehan pengetahuan, kemahiran, nilai, kepercayaan dan tabiat. Proses pendidikan sering dilakukan di bawah pengawasan atau bimbingan pendidik namun, pada masa kini, pembelajaran abad ke-21 para pelajar juga mempunyai kemampuan bagi membentuk dan mendidik diri mereka sendiri. Malaysia kini bergerak menuju ke arah bidang pendidikan abad ke 21 yang berasaskan kepada bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan manusia pada masa ini, khususnya dalam bidang pendidikan (Bird, J. & Caldwell, H.,2014). Bagi menempuhi pembelajaran terkini ini, guru-guru mestilah mempunyai ilmu pengetahuan yang kukuh, pedagogi yang mantap dan pengetahuan teknologi yang tinggi bagi mengambil alih kaedah pengajaran konvensional yang kurang relevan pada masa kini (Norasiah, Nor Risah Jamilah & Rosnah, 2012). Kompetensi dilihat sebagai keupayaan, kebolehan dan kemahiran seseorang dalam melaksanakan tugas dalam skop kerja yang baik dan berkesan. Kompetensi guru juga adalah suatu perkara yang sering dikaji pada masa kini (Kunter et al., 2013). Hal yang demikian berlaku adalah berdasarkan kepada fungsi dan peranan guru masa kini yang dilihat semakin

hari semakin mencabar. Tambahan pula, pendidikan telah menjadi bertambah moden seiring dengan perkembangan teknologi semasa dalam menghadapi cabaran dunia yang kian membangun (Mary Yap Kain Ching, 2015).

Pendidik memainkan peranan besar dalam melakukan perubahan dan menyemai sikap keterampilan yang baik bagi menghadapi cabaran yang melibatkan transformasi pendidikan pada zaman ini. Kajian daripada Susilo dan Sofiarini (2020) menyatakan bahawa guru sejarah yang berinovasi pada kehidupan masa lalu, pada saat ini harus ditingkatkan lagi tahap pengolahannya terhadap situasi dan keadaan pada era teknologi ini kerana iklim pendidikan, telah banyak dipengaruhi oleh kemajuan zaman. Oleh kerana itu, kepelbagaian teknik guru dalam mencipta idea baharu, dalam melaksana dan berkomunikasi dengan murid secara berkesan dengan aspek pemikiran kreatif sangat penting dalam proses pengajaran (Ahmad & Majid, 2018). Mata pelajaran sejarah merupakan sebuah pendidikan yang menerapkan pengetahuan dan nilai-nilai mengenai proses perubahan, perkembangan masyarakat dan dunia dari masa lepas dan sekarang kerana sesebuah perkara terjadi hanya sekali, unik dan tidak berulang dan pentafsiran masa lampau haruslah sesuai dgn peradaban zaman. Keperibadian guru merupakan asas utama antara pengetahuan mengenai pendidikan dalam melaksanakan tanggungjawab utama dalam bidang pembelajaran. Kompetensi guru berupaya untuk menanamkan kemampuan bagi menyampaikan pendidikan yang efektif dan efisien.

Kompetensi dilihat sebagai keupayaan, kebolehan dan kemahiran seseorang dalam melaksanakan tugas dalam skop kerja yang baik dan berkesan (Bandura, 2007). Kompetensi guru juga adalah suatu perkara yang sering dikaji pada masa kini (Kunter et al., 2013). Situasi ini berlaku berdasarkan kepada betapa pentingnya fungsi mahupun peranan guru terutama guru sains sosial masa kini yang dilihat sebagai satu perkara yang sangat mencabar. Kajian kompetensi diantara para guru dijalankan bagi mengkaji perbezaan pengaruh kompetensi terhadap para guru. Setiap elemen kompetensi yang telah dinyatakan mempunyai peranan yang signifikan terhadap profesionalisme, amalan pengajaran dan keberkesanan para guru dalam setiap pengajaran dan pembelajaran para guru. Aspek gaya pengajaran guru telah menjadi salah satu bidang yang sangat diutamakan dalam bidang pendidikan dan banyak perbincangan tentang teori-teori gaya pengajaran telah dibuat oleh para sarjana daripada pelbagai perspektif yang berbeza (Elkaseh, Wong, & Fung, 2014) dengan menggunakan istilah yang berbeza untuk menerangkan tentang gaya pengajaran mengikut kesesuaian kajian mereka (Abdul Razak, Ahmad, & Mohd Shah, 2007). Penggunaan gaya pengajaran yang sesuai menentukan keberkesanan perkongsian maklumat antara guru dengan pelajar dan membolehkan pelajar menyempurnakan tugas dengan baik (Shahabudin et al., 2003).

Kajian ini akan menjelaskan perbezaan kompetensi guru Sejarah terhadap jantina guru lelaki dan wanita. Tahap kompetensi guru yang tinggi merupakan asset kepada sekolah dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia kerana mencorakkan murid-murid dengan ilmu fungsional yang jitu dan saksama bagi merealisasikan kecermelangan dalam pendidikan (Rifin et al., 2021). Justeru itu, kajian ini dijalankan, bagi mengkaji perbezaan kompetensi guru-guru sains sosial terhadap mata pelajaran sejarah diantara jantina guru-guru di zon utara.

## **Kajian Literatur**

### ***Kompetensi Guru***

Sekolah merupakan sebuah tempat yang berfungsi untuk memberikan pendidikan kepada pelajar yakni sesiapa sahaja yang belajar di situ. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di sekolah boleh dipengaruhi oleh kesempurnaan disiplin para pelajar. Setiap guru mempunyai peranan yang besar yang sebagaimana terlibat dalam strategi pembangunan dalam bidang Pendidikan (Sri Evariani et al., 2017). Tambahan pula, golongan pendidik merupakan individu yang berperanan penting menghasilkan pelajar yang cemerlang dan berkualiti tinggi. Pada dasarnya guru bertanggungjawab sebagai seorang pembimbing dalam proses mengembangkan potensi dan mencapai objektif dan wawasan tujuan pendidikan yang diinginkan (Sri Evariani et al., 2017). Seorang guru mestilah memiliki elemen kompetensi untuk menjadi guru yang baik seperti menguasai kandungan subjek yang diajar, berpengetahuan dalam pedagogi, berupaya memilih sumber pengajaran, mampu mempelbagaikan strategi pengajaran, memiliki kemahiran teknologi, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dengan pelajar serta mempunyai sikap dan personaliti yang positif seperti humor dan bersahaja. Guru sains sosial seharusnya memberi hak kebebasan untuk bersuara kepada pelajar, kerana ia menggalakkan interaksi yang memberangsangkan di antara pelajar (Rohani, 2017).

Dalam kajian ini, kompetensi guru bermaksud keupayaan seseorang guru menguasai perkara yang berkaitan individu, profesional dan sosial seperti pengajaran, kepakaran dalam subjek, kepakaran dalam teori yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, menguruskan proses pembelajaran, adaptasi dalam komuniti dan personaliti. Kompetensi guru dari aspek kemahiran mengajar yang tinggi akan mempermudah aktiviti pengajaran yang sistematik, langkah demi langkah iaitu daripada peringkat permulaan diikuti dengan perkembangan konsep melalui penggunaan ilmu pengetahuan serta kemahiran dan diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan. Malahan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 turut memberi fokus kepada peningkatan standard profesionalisme guru (Kementerian Pengajaran Malaysia 2013). Berdasarkan kajian daripada Sharifah Bee, (2015) sistem pendidikan telah mengalami perubahan dan transformasi peningkatan secara holistik yang sebagaimana melibatkan penukaran kepada sistem pendidikan, kualiti kepimpinan sekolah, kualiti guru tersebut, kemenjadian murid serta pemantapan sistem pentadbiran yang lebih efisien dan tersusun.

Mata pelajaran sejarah berkait rapat dengan masa lampau, hal ini dapat diperbaharui dengan teknik pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi terkini agar dapat mencapai sasaran dan tujuan sehingga proses pembelajaran menjadi lebih berkesan dan bermakna. Perkembangan teknologi yang canggih, dapat meningkatkan tahap kebolehan kreativiti guru dalam menyampaikan maklumat dan memberi rangsangan kepada para pelajar bagi mempelajari subjek sejarah. Walaubagaimanapun, matapelajaran sejarah, berkait rapat dengan keupayaan pelajar bagi memperolehi kebolehan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Pengetahuan guru dalam melaksanakan aktiviti KBAT dikenal pasti dapat menyumbang kepada perubahan pendekatan serta kaedah pengajaran guru dalam bilik darjah berdasarkan aspek kurikulum, pedagogi dan juga pentaksiran (Surif et al., 2016). Reka bentuk pendekatan pengajaran pada abad 21 akan lebih menarik sekiranya seiring dengan kemajuan teknologi masa kini (Dembo & Seli, 2012). Telah signifikan bahawa, bagi melahirkan pelajar yang berpotensi, seorang guru haruslah mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dan teguh bagi mencapai objektif utama dalam pengajaran.

### ***Faktor Kompetensi***

Terdapat tiga faktor yang telah dipilih dalam kajian ini untuk diuji iaitu teras, fungsi dan keperibadian. Tanpa menafikan pengaruh faktor-faktor guru yang lain, kajian ini hanya mengkaji tentang pengaruh faktor demografi guru dari aspek jantina serta opsyen guru. Ini adalah kerana guru merupakan satu faktor kritikal yang menentukan kejayaan dan keberkesanan program-program pendidikan (Suresh Kumar, 2013) serta mempunyai peranan besar dalam mempengaruhi minat dan sikap pelajar terhadap subjek yang dipelajari dan seterusnya mempengaruhi pencapaian mereka dalam bidang akademik yang berkaitan dengan pembelajaran mereka di sekolah (Mohd Sukki & Mohd Fadzli, 2012). Selain itu, oleh kerana pengajaran yang berkesan merupakan bahagian yang paling kritikal dalam dunia pendidikan, guru yang efektif dan kompeten ialah guru yang memenuhi standard yang ditetapkan dan mampu mengajar dengan berkesan (Roth & Scott, 2000).

Faktor yang merujuk kepada aspek teras merangkumi komunikasi, etika profesionalisme dan kepimpinan yang perlu ada pada diri guru untuk mengajar mata pelajaran sejarah. Komunikasi yang berkesan antara guru bersama pelajar dan atitud yang baik serta positif dapat menjadi contoh kepada para pelajar. Berdasarkan kepada kajian daripada Eddy (2013), mendapati kompetensi kepimpinan boleh dibangunkan melalui latihan, pemerolehan ilmu pengetahuan dan pengalaman sepanjang perkhidmatan dalam sesebuah organisasi. Dari aspek fungsi pula, meningkatkan literasi, pedagogi dan pentaksiran dalam pembelajaran di sekolah-sekolah merupakan penyampaian informasi dilakukan secara teratur. Literasi merupakan satu kegiatan atau aktiviti bagi membudayakan amalan pembacaan serta menulis dalam kalangan pelajar manakala pedagogi perlu diterapkan supaya objektif pengajaran tercapai. Akhir sekali adalah aspek keperibadian, kestabilan emosi dan perasaan para guru juga perlu ditekankan dan diberi perhatian yang jitu. Emosi para guru juga akan berubah-ubah bergantung kepada keadaan dan situasi yang dihadapi. Guru lebih kreatif dan inovatif dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam mempelbagaikan teknik pengajaran.

### **Metod Kajian**

Reka bentuk kajian kuantitatif berbentuk deskriptif dijalankan dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah tinjauan di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah yang terpilih di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Kajian ini melibatkan 98 orang guru pendidikan Sejarah sebagai responden yang berkhidmat di sekolah-sekolah di negeri tersebut. Guru-guru ini telah dipilih secara rawak mudah. Penentuan saiz sampel hanya melibatkan seramai 98 orang guru dengan jumlah populasi seramai 130 orang (Jadual Penentuan Krejcie & Morgan 1970). Pertimbangan penyelidik dalam menentukan populasi kajian perlu dilaksanakan agar dapatan diperolehi secara sistematik dan teratur. Instrumen kajian yang digunakan bagi mendapat maklumat bagi mengenal pasti pengaruh kompetensi guru-guru Sejarah antara jantina dalam mata pelajaran sejarah ialah soal selidik. Soal selidik dalam kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A demografi responden iaitu terdiri daripada lima item: jantina, umur, tahap pendidikan, pengalaman mengajar, dan tempoh mengajar subjek tersebut. Bahagian B (14 item) pula berkaitan nilai profesionalisme guru dalam kompetensi guru dalam keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru sejarahl di sekolah-sekolah. Bahagian C (26 item) ialah Kompetensi guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan Bahagian D (12 item) ialah amalan keberkesanan pengajaran guru semasa pengajaran dan pembelajaran. Item-item dalam bahagian-bahagian ini telah diubahsuai berpandukan kepada kesesuaian kajian berdasarkan daripada Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia (Soal Selidik B: Penilaian Kompetensi Guru Pelatih). Beberapa pakar penilai tersebut adalah terdiri daripada pensyarah dan pensyarah kanan daripada School of Languages, Civilisation and

Philosophy, Universiti Utara Malaysia yang telah memberi komen dan menilai terhadap lima puluh dua (52) item yang dikemukakan di dalam soal selidik kajian ini. Item-item tersebut mengukur darjah kesahan terhadap kompetensi guru dan peningkatan prestasi pengajaran guru oleh responden terhadap penggunaan set kompetensi yang telah dibangunkan dalam kajian ini. Pakar-pakar ini telah menilai tahap kesesuaian item bagi setiap item dalam setiap soal selidik berdasarkan lima skala iaitu daripada skala 1 yang bermaksud sangat tidak setuju sehingga skala 4 iaitu sangat setuju. Cadangan pengubahsuaian dan pemurnian soal selidik turut diminta sekiranya terdapat sebarang kekeliruan.

### ***Metod Kajian -Kajian Rintis***

Pakar-pakar ini telah menilai tahap kesesuaian item bagi setiap item dalam setiap soal selidik berdasarkan lima skala iaitu daripada skala 1 yang bermaksud sangat tidak setuju sehingga skala 5 iaitu sangat setuju. Cadangan pengubahsuaian dan pemurnian soal selidik turut diminta sekiranya terdapat kekeliruan.

**Jadual 1: Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Pembolehubah**

<b>Pembolehubah Kajian</b>	<b>Bilangan Item</b>	<b>Nilai Alpha Responden</b>
Nilai Profesionalisme Guru	14	0.6
Kompetensi guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP)	26	0.8
Amalan Keberkesanan pengajaran guru semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP)	12	0.7

Keputusan ujian kebolehpercayaan pula mendapati nilai Cronbach Alpha yang diperolehi oleh setiap pembolehubah adalah boleh diterima (nilai alpha melebihi 0.60). Nilai indeks kebolehpercayaan yang melebihi 0.6 boleh dianggap mencukupi (Mohd Majid, 1994). Ini disokong oleh pernyataan Sekaran (2003) yang menyatakan bahawa nilai efisien kebolehpercayaan 0.8 ke atas adalah baik manakala nilai 0.6 hingga 0.8 adalah nilai yang boleh diterima tetapi kurang dari 0.6 adalah dianggap lemah.

### ***Metod Kajian – Prosedur Kajian***

Proses mendapatkan permohonan kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD) telah dilakukan memandangkan kajian ini telah dijalankan di sekolah. Di samping itu, kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri bagi ketiga-tiga negeri terlibat turut dipohon. Penyertaan responden adalah secara sukarela, semua respons adalah sulit dan digunakan untuk kajian semata-mata. Data dan maklumat yang lengkap, telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science (SPSS versi 26.0)*. Kajian ini menggunakan statistik inferensi berbentuk Ujian T tidak bersandar bagi mengenal pasti pengaruh kompetensi terhadap mata pelajaran sains sosial diantara jantina para guru. tahap signifikan diperolehi maka nilai tersebut akan dibandingkan dengan nilai Alpha ( $p < .05$ ) seperti yang telah ditetapkan.

### **Dapatan Kajian**

Secara keseluruhannya kajian ini berkaitan pengaruh guru-guru sains sosial bagi mata pelajaran sejarah di sekolah-sekolah zon utara. Dapatan yang dilaporkan adalah maklum balas yang diperolehi daripada 98 orang responden. Data demografik menunjukkan terdapat 59 orang

responden lelaki dan diikuti oleh 39 orang responden wanita. Guru yang terlibat dalam kajian ini, merupakan guru yang mengajar Sejarah bagi sekolah Rendah dan Menengah. Data keseluruhan ini dapat dilihat berdasarkan kepada carta bar dibawah.



**Rajah 1: Carta Bar Bagi Guru Yang Mengajar Subjek Mata Pelajaran Sejarah Bagi Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah**

Jumlah para guru yang mengajar mata pelajaran sejarah adalah sebanyak 98 orang. Bagi tahun Tingkatan 3 menunjukkan bilangan yang tertinggi sebanyak  $N = 17$ , dan diikuti oleh Tingkatan 1 ( $N = 16$ ), dan Tingkatan 4 ( $N = 15$ ). Responden bagi tahun 4 menunjukkan bilangan yang paling sedikit ( $N = 4$ ) dan diikuti oleh Tahun 6 ( $N = 5$ ).

**Jadual 2: Ujian T Tidak Bersandar Bagi Kompetensi Guru Sejarah Dan Jantina**

	Kumpulan	N	Min (SP)	t	df	nilai-p
Nilai Profesionalisme Keguruan (teras)	Lelaki	59	3.75 (.307)	1.844	96	0.068
	Wanita	39	3.63 (.3071)			
Kompetensi Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (fungsi)	Lelaki	59	3.68 (.358)	2.337	96	0.022
	Wanita	39	3.50 (.403)			
Amalan Keberkesanan Pengajaran Guru Semasa Pengajaran dan Pembelajaran (keperibadian)	Lelaki	59	3.68 (.344)	.566		0.573
	Wanita	39	3.63 (.381)			

Nota: SP; Sisihan Piawai

Jadual 2 menunjukkan keputusan bagi ujian T tidak bersandar bagi perbezaan diantara kompetensi dan jantina guru matapelajaran sejarah. Berpandukan kepada data yang telah diperolehi, Nilai Profesionalisme Keguruan menunjukkan nilai p yang melebihi 0.05 dan mempunyai dapatan bagi sisihan piawai untuk lelaki ( $SP = .307$ ) dan wanita ( $SP = .3071$ ). Dapatan seterusnya menunjukkan Kompetensi Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran diantara para guru lelaki dan wanita yang menunjukkan dapatan nilai  $p = 0.05 > 0.02$  yang

signifikan dan Amalan Keberkesanan Pengajaran Guru Semasa Pengajaran Dan Pembelajaran mendapat nilai  $p > 0.05$ . Dapatan ini menunjukkan bahawa hubung kait diantara perbezaan kompetensi dan jantina guru sains sosial mata Pelajaran sejarah mempunyai nilai  $p < 0.05$  bagi kompetensi guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

### **Perbincangan**

Melihat kepada perbezaan kompetensi terhadap subjek Sejarah diantara jantina para guru menunjukkan perbezaan dan kesan terhadap pengurusan dari segi pengajaran dan pembelajaran. Kompetensi guru telah dikenal pasti dapat memberikan impak yang besar kepada kecemerlangan para pelajar. Guru yang kompeten serta mempunyai komitmen yang tinggi akan mampu untuk membuat penilaian yang adil kepada murid serta memupuk minat untuk belajar yang tinggi kepada murid.

Berdasarkan kepada dapatan kajian, Nilai Profesionalisme Keguruan menunjukkan dapatan kajian yang melebihi nilai  $p < 0.05$ , Kompetensi Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran menunjukkan dapatan yang signifikan dengan nilai  $p > 0.05$  dan elemen terakhir Amalan Keberkesanan Pengajaran Guru menunjukkan nilai  $p < 0.05$ . Dalam setiap elemen yang terdapat ini, mempunyai tiga peneraju kompetensi iaitu teras, fungsi dan keperibadian yang menjadi pengukur tahap bagi setiap elemen. Setiap soalan yang terlibat fokusnya terhadap tiga komponen kompetensi tersebut. Nilai profesionalisme keguruan menunjukkan keadaan yang tidak signifikan. Kajian daripada Rifin et al., (2021) menunjukkan dapatan kajian bahawa guru sejarah mempunyai pengetahuan yang baik mengenai organisasi kurikulum sejarah dimana merangkumi aspek kandungan ilmu pengetahuan, kemahiran permikiran sejarah dan kesepaduan antara unsur dan nilai patriotisme yang berjalan serentak dalam PdP. Penilaian yang sempurna dapat dilaksanakan oleh guru untuk membantu pelajar mengatasi masalah pembelajaran pada peringkat awal supaya kelemahan pelajar tersebut tidak terhimpun (Anuar & Nelson, 2017). Tambahan pula, berdasarkan kajian daripada Said et al., (2023), menyatakan bahawa seorang guru harus mengambil inisiatif untuk membaca, menghadiri seminar dan bengkel, serta mencari maklumat berkaitan dengan perkembangan semasa dalam bidang pendidikan. Dengan begitu, mereka dapat terus memperbaharui pengetahuan dan meningkatkan kemahiran mereka dalam mengajar, dan seterusnya memberikan pengajaran yang lebih berkualiti kepada pelajar. Justeru, guru yang kompeten haruslah mempunyai nilai dan unsur kompetensi iaitu teras fungsi dan keperibadian sebagai pemangkin didalam sesi PdP.

Tambahan pula, Kompetensi Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran menunjukkan dapatan yang signifikan dengan nilai  $p > 0.05$ . Dapatan kajian ini berbeza dengan (Anuar & Nelson, 2017) yang menunjukkan hasil kajian kompetensi guru dari aspek Kemahiran Mempelbagaikan Strategi Pengajaran dan Kemahiran Membuat Penilaian Pembelajaran tidak memberi kesan atau mempengaruhi tahap pencapaian pelajar dan berada pada tahap yang lemah iaitu 0.243. Hasil kajian ini menunjukkan perbezaan diantara dapatan kajian yang telah diperolehi dalam kajian ini. Norlia et al., (2006) menghuraikan bahawa gaya pembelajaran yang sesuai akan menghasilkan keberhasilan sekiranya diamalkan agar dapat membantu pelajar memperoleh pencapaian yang tinggi dalam suatu mata pelajaran. Walau bagaimanapun, menurut Mohamad Johdi dan Ariegusrini (2009) menyatakan bahawa guru seharusnya mempunyai kompetensi kemahiran dalam menggunakan teknologi komputer, ICT dan multimedia dalam pengajaran mereka kerana banyak sumber, maklumat, fakta dan bukti sejarah yang boleh diperolehi di seluruh dunia. Perkembangan yang pantas dari teknologi akan mendorong kepada penambahan pengetahuan yang akan dipelajari oleh para pelajar. Pendidikan pada abad ke-21 melakukan perkara itu menekankan kepada aspek kognitif tetapi juga teori diperlukan bagi merujuk kepada



kefahaman para guru mendidik dalam pemikiran aras tinggi, pembangunan struktur metakognitif, perkembangan sikap, kecerdasan pendidikan emosi dan perwatakan (Susilo & Sofiarini, 2020). Salah satu mata pelajaran yang berkebolehan melaksanakan watak dalaman proses pembelajaran adalah bahan sejarah.. Kesimpulannya, guru sejarah seharusnya memiliki kompetensi dalam mengintegrasikan ICT dalam pengajaran sejarah agar menjadi lebih menarik dan berkesan dan menghasilkan teknik pengajaran yang bersesuaian dengan peredaran zaman agar para guru tidak menjadi guru yang terpinggir dan ketinggalan.

Elemen terakhir sekali ialah Amalan Keberkesanan Pengajaran Guru semasa Pengajaran dan Pembelajaran menunjukkan hasil kajian yang lemah dengan nilai  $p < 0.05$ . Zarina (2013) menunjukkan penggunaan bahan sokongan didalam sesi pengajaran dan pembelajaran adalah sederhana. Justeru dapatan ini selari dengan hasil kajian diantara kajian yang lain. Penggunaan bahan bantu mengajar seperti keratan akhbar, filem sejarah, televisyen dan literasi komputer atau laman web dalam pendidikan sejarah adalah pada tahap yang rendah. Usaha yang telah dijalankan oleh para guru untuk menghasilkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang lebih kondusif adalah sukar disebabkan oleh penggunaan bahan bantu tidak digunakan dengan sebaik mungkin bagi menarik minat oleh kerana para guru sejarah lebih berminat untuk menggunakan buku teks sebagai alat bantu mengajar yang sebagaimana dilihat sangat ketara didalam kelas-kelas subjek mata pelajaran sejarah. Guru dituntut bagi mengaplikasikan elemen-elemen kompetensi ketika sesi P&P dan guru seharusnya mempunyai teknik merancang sebelum pengajaran dan kemahiran ketika penyampaian pengajaran dan penilaian selepas pengajaran (Ali et al., 2016). Justeru, para guru seharusnya mengaplikasikan elemen kompetensi (Teras, fungsi dan keperibadian) didalam teknik pengajaran khususnya ketika mengajar subjek mata pelajaran sejarah dengan menggunakan pendekatan yang lebih menarik dan selaras dengan keadaan arus pemodenan.

Tambahan pula, pembangunan profesional guru dan peningkatan kompetensi guru adalah penting dalam memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah sentiasa meningkat (Bahagian Pendidikan Guru, 2016). Seorang guru sejarah seharusnya mempunyai pengetahuan dan berpengalaman dalam topik yang diajar agar penyampaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan mencapai objektif yang lebih mendalam kepada murid. Misalnya, topik sejarah penubuhan Malaysia, maka guru tersebut perlu memahami dengan lebih mendalam berkaitan dengan sejarah penubuhan Tanah Melayu. Tamsillnya, peranan guru sejarah yang kompeten berkaitan tajuk yang diajar amat dititikberatkan agar tidak berlaklu ketirisan dalam aspek penyampaian pengajarannya.

### **Kesimpulan**

Para guru seharusnya sentiasa melengkapi diri dengan ilmu pengetahuan yang mantap dan sentiasa meningkatkan kebolehan diri terutama dalam pengetahuan agar dapat membuat anjakan paradigma dalam PdP mereka. Pengetahuan yang dimaksudkan termasuklah teknik pengajaran yang lebih kreatif dan inovatif untuk menarik minat dan perhatian murid terhadap kandungan pembelajaran yang disampaikan oleh guru (Ibrahim & Mohamed, 2021). Dapatan menunjukkan bahawa didalam komponen yang terlibat sama, hanya kompetensi guru dalam pengajaran dan pembelajaran yang menunjukkan kadar yang signifikan diantara jantina dan ia menunjukkan bahawa para guru lelaki dan wanita mementingkan aspek kompetensi didalam pengajaran dan sesi pembelajaran murid kerana ianya berpotensi besar menentukan keupayaan para guru dalam menyampaikan maklumat kepada pelajar dengan teknik yang meliputi kepada elemen teras, fungsi dan keperibadian. Dengan keupayaan para guru yang sedia ada ia akan

menjadi daya tarikan kepada pelajar bagi menimba ilmu dengan bersungguh-sungguh. Dalam erti kata lain, para guru haruslah mencari jalan memperkayakan diri dengan kemahiran, dan stail penyampaian bagi pengajaran dan pembelajaran yang baru untuk disesuaikan seiring dengan persekitaran persekolahan.

Oleh yang demikian, adalah sangat penting bagi para guru untuk mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan bersedia untuk mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang dirasakan dapat meninggalkan impak yang positif dalam diri para pelajar. Amatlah diharapkan agar hasil kajian ini menjadi panduan ke arah penambahbaikan kualiti para guru melalui pengaruh kompetensi yang berterusan bagi menghasilkan kecemerlangan dalam menjalankan tugas utama mengajar di dalam bilik darjah, mengenal pasti keperluan pelajar serta memupuk semangat belajar yang tinggi.

Elemen kompetensi seperti teras, fungsi dan keperibadian menjadi titik tunjang utama bagi para guru untuk menghasilkan teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan interaktif. Guru pendidikan sejarah perlu diberikan sokongan dan pendedahan yang sewajarnya dalam melaksanakan intervensi serta inovasi yang bersesuaian merangkumi bahan rujukan, pendekatan, pemilihan strategi pengajaran dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran para guru. Praktis yang saksama dan bagus yang didapati daripada kajian ini haruslah diadaptasi dan diberi perhatian oleh para guru dalam teknik penyampaian sesi pengajaran dan pembelajaran matapelajaran subjek sejarah. Kekurangan dalam inovasi dan teknik penyampaian yang berterusan akan menyebabkan murid menjadi cepat bosan dan menganggap mata pelajaran sejarah ini tidak mencabar minda. Adalah dicadangkan bagi kajian pada masa akan datang untuk mengkaji hubungan diantara amalan keberkesanan pengajaran guru semasa pengajaran dan pembelajaran diantara para pelajar. Kompetensi merupakan satu elemen utama dalam membentuk kebolehan guru bagi menguasai teknik pengajarannya. seterusnya memainkan peranan penting kerana ia akan menjadi titik tolak kepada sesebuah kejayaan prestasi pencapaian seseorang pelajar. Malah, pendidik juga merupakan agen pembentukan sahsiah para murid yang cemerlang berdasarkan kepada pelaksanaan kaedah pengajaran yang berkesan dan bersesuaian dengan kebolehan pelajar bagi meningkatkan penglibatan yang aktif dan kemahiran berfikir yang mempunyai hubung kait dengan mata pelajaran sejarah.

### **Penghargaan**

Pengarang ingin mengucapkan terima kasih kepada guru-guru sejarah dari pelbagai sekolah di Zon Utara kerana mengambil bahagian dalam kajian ini dan penghargaan kepada Bahagian Perancangan Pendidikan dan Penyelidikan Dasar (EPRD) kerana memberi kebenaran bagi menjalankan kajian ini. Kami mengucapkan terima kasih kepada pengadil tanpa nama atas cadangan berguna mereka. Tanpa sokongan penuh, kajian ini tidak akan bermula, maju atau berakhir.

### **Rujukan**

- Ali, M. F., Ahmad, A. R., & Sitam, M. I. S. (2016). Pengetahuan Kompetensi Ke Arah Peningkatan Aplikasi Kemahiran Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Sejarah. *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education*, 1(0), 284–299. <https://ejournal.unri.ac.id/index.php/ISRE/article/view/3048/2977>
- Anuar, A., & Nelson, J. (2017). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil. 3 Isu(April 2015).

- Ariegusrini Bte Agus, & Mohamad Johdi Bin Salleh. (2009). Kreativiti pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Dlm. Abdul Razaq & Isjoni. Transformasi pengajaran dan pembelajaran Sejarah (hh. 183 – 196). Penerbitan bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekan Baru Indonesia
- Azarul Razamin Mat Said, Mustafa Che Omar, Najmiah Omar & Mohd Allnurulhuda Ghazali. (2023). Meningkatkan pembangunan profesional dan kompetensi guru Kementerian Pendidikan Malaysia: Satu analisis kritis. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 3(1), p. 62-70.
- Ibrahim, H. H., & Mohamed, S. (2021). Kompetensi Guru-guru Bukan Opsyen dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Prasekolah ( Competence of Non-Optional Teachers in the Teaching and Learning of Preschool Education ). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 377–385.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurements*, 30 (3): 607-610.
- Kunter, M., Klusmann, U., Baumert, J., Richter, D., Voss, T., & Hachfeld, A. (2013). Professional competence of teachers: Effects on instructional quality and student development. *Journal of Educational Psychology*. 105(3). 805–820
- Mary Yap Kain Ching. (2015). Guru berperanan lahir pelajar capai standard global. Dilihat 28 Februari 2021 dari <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/08/74472/guru-berperanan-lahir-pelajar-capai-standard-gobal>
- Mohd Majid Konting (1994 ), “Kaedah Penyelidikan Pendidikan.” *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Mohammad Rusdi Ab Majid. 2017. Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan dan Kreativiti Pengajaran Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab di Malaysia. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Malaya.
- Norasiah Abdullah, Nor Risah Jamilah Mat Lazim & Rosnah Ahmad Zain. (2012). Teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd (Unit Perancang Ekonomi, 2015)
- Rifin, F., Ahmad, A., & Othman, N. (2021). Kompetensi Guru dalam Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Pendidikan Sejarah Abstrak Teachers ' Competencies in the Implementation of High -Order Thinking Skills in Teaching History Abstract Pengenalan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 194–205.
- Rohani Arbaa, and Hazri Jamil, and Mohammad Zohir Ahmad, (2017) Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42 (1). pp. 1-11. ISSN 0126-6020 / 2180-0782
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill building approach* (4th ed.). United State of America: John Willey and Sons, Inc.
- Sharifah Bee. (2015). Transformasi Dijana Legasi: Koleksi Ucapan 2012-2015. Dr. Hajah Sharifah Bee Binti Hj. Aboo Bakar, Timbalan Pengarah Pendidikan Pulau Pinang. KPM, JPPP. Pulau Pinang: Crucetac Sdn. Bhd.
- Sri Evariani, N. G. A. M., Kertih, I. W., & Akhmad Haris, I. (2017). Model Pembelajaran Sains Teknologi Masyarakat (Stm), Keterampilan Berpikir Kritis, Dan Prestasi Belajar Ips. *Jurnal Pendidikan IPS Indonesia*, 1(1), 38–46. <https://doi.org/10.23887/pips.v1i1.2823>